

28 OCT 2002

Parlimen-Kontrak

KERAJAAN BARISAN BERPEGANG KEPADA KONTRAK SOSIAL

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) sentiasa berpegang kepada kontrak sosial yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan mengamalkan sistem berkongsi kuasa.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri Datuk Noh Omar berkata BN yang terdiri daripada parti-parti komponen yang mewakili semua kaum termasuk kaum minoriti, mengambil pendekatan secara konsensus bagi setiap dasar dan pentadbirannya.

Oleh itu dakwaan kononnya kerajaan BN mengamalkan perkauman adalah tidak benar, katanya semasa menjawab soalan tambahan Tan Kok Wai (DAP-Cheras) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Noh berkata setiap kaum juga mempunyai hak dan kebebasan masing-masing dan diperakui oleh kaum lain termasuk dalam bidang pendidikan.

"Kita ada konsensus dan semua kaum ada hak dan kebebasan. Seperti isu sekolah Cina, mana ada negara lain yang seperti Malaysia... di Australia misalnya ada Cina tapi tidak ada sekolah Cina, di Singapura 90 peratus penduduk adalah Cina tapi tidak ada sekolah Cina, yang ada ini semua adalah di Malaysia... malahan sampai bila-bila akan ada sekolah Cina, kita tidak boleh tutup."

Noh menampik Tan yang katanya lebih bersikap perkauman kerana secara kasarnya bercakap mengenai Malaysia tetapi hanya khusus untuk kepentingan orang Cina dan tidak langsung menyentuh kaum lain.

Noh berkata dasar yang selama ini diamalkan kerajaan khususnya Dasar Ekonomi Baru telah berjaya membangunkan semua kaum, tinggal lagi masih terdapat kumpulan tertentu yang tidak mahu menerima hakikat kontral sosial.

Kepada soalan tambahan Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) mengenai kekeliruan konsep bangsa Malaysia dengan konsep bumiputera dan bukan bumiputera, Noh berkata Wawasan 2020 bertujuan melahirkan bangsa Malaysia yang maju, yang terdiri daripada pelbagai kaum yang disatukan di bawah satu kuasa pentadbiran.

"Kita berpegang kepada kontrak sosial dan kita atasi segala masalah di meja perundingan, bukannya konfrantasi," katanya.

Setelah Noh menyudahkan jawapannya kepada soalan Ruhanie, Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) bangun menggunakan Peraturan Mesyuarat 26(10) bahawa jawapan yang diberikan itu menyakitkan hati.

Noh menyangkal tuduhan Kerk dan menyatakan bahawa Tan sebenarnya tidak memahami kontrak sosial yang termaktub dalam perlembagaan, dan meminta anggota DAP itu membaca perlembagaan.

Tan tidak berpuas hati dengan dakwaan Noh menyebabkan pertikaman lidah berlaku. Beberapa anggota DAP lain, Fong Kui Lun (Bukit Bintang), Chow Kon Yeow (Tanjung), Chong Eng (Bukit Mertajam) dan Teresa Kok (Seputeh) turut mengemukakan hujah masing-masing.

Ini menyebabkan beberapa anggota penyokong kerajaan turut bangun.

Keadaan bagaimanapun reda apabila Timbalan Speaker Datuk Muhamad Abdullah mengingatkan akan peraturan mesyuarat dan memberikan arahan kepada semua anggota supaya duduk.

Terdahulu semasa menjawab soalan asal Tan, Noh berkata dilema baru orang Melayu yang dimaksudkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah sama ada orang Melayu akan terus bergantung harap sepenuhnya kepada kerajaan atau belajar untuk berdikari dan seterusnya dapat bersaing dengan orang lain tanpa mengharap bantuan kerajaan.

Noh berkata orang Melayu adalah kuat beragama tetapi sesetengahnya

mudah terpengaruh serta lebih mementingkan perkara dan rupa bentuk luaran berbanding dengan ajaran Islam yang sebenar dan beranggapan tidak perlu berterima kasih kepada orang yang membantu mereka.

Noh berkata dilema kedua orang Melayu dan kerajaan ialah sekiranya rakyat terpengaruh dengan dakwah pihak berkenaan dan memilih mereka menjadi kerajaan, maka kejayaan, kemajuan dan perpaduan negara akan terjejas.

Jika kerajaan mengambil tindakan menghalang mereka menyebarkan fitnah maka kerajaan pula akan dituduh sebagai tidak demokrasi.

"Bagi orang Melayu, perpecahan yang berlaku akan menyebabkan pengaruh dan kuasa politik mereka menjadi tidak kuat dan menjejaskan pembangunan ekonomi mereka dan akan menjadikan mereka tidak penting dalam negara sendiri," katanya.

-- BERNAMA

HS HS NMO